

Jerung di perairan Brazil diuji positif dadah kokain

#M 29/7/24 pg 27

Brasilia: Jerung di perairan pantai Brazil diuji positif dadah kokain, kata saintis.

Portal sky news melaporkan, penyelidik sudah lama mendakwa kehidupan laut di situ dibawah pengaruh dadah.

Dadah itu dipercayai dibuang ke dalam air oleh penyeludup, dengan beberapa tan kokain ditemui di sekitar Florida, Amerika Selatan dan Tengah.

Kajian dari Yayasan Oswaldo Cruz di Brazil mendapat bukti bahawa ikan jerung tersebut dipengaruhi dadah berikutan dadah yang dibuang itu mencemarkan lautan.

Saintis membedah 13 jerung Brazil liar yang dibeli daripada kapal nelayan kecil, kerana spesies itu menghabiskan sepanjang hayat di perairan pantai jadi ada kemungkinan besar haiwan berkenaan terjejas oleh pencemaran.

Tisu otot dan hati kemudiannya diuji menggunakan teknik piawaian yang dipanggil kromatografi cecair dengan spektrometri jisim tandem iaitu molekul diasing-

kan dalam cecair untuk mencari kokain dan benzoylecgonine, metabolit utama dalam dadah.

Saintis terbabit mendapati 13 jerung positif dadah itu, dengan kepekatan sebanyak 100 kali lebih tinggi daripada yang dilaporkan sebelum ini untuk hidupan akuatik lain.

Ia menandakan kajian pertama untuk mencari kehadiran kokain dalam jerung, dan mendapati bahan itu lebih berleluasa dalam tisu otot berbanding dalam hati jerung.

Bagaimanapun, kajian itu mendedahkan bidang penyelidikan sangat terhad dan kesan kokain atau benzoylecgonine terhadap hidupan akuatik tidak diketahui sepenuhnya.

Penyelidikan itu diterbitkan dalam agensi Science of the Total Environment.

Pada Jun tahun lalu, pengawal pantai Amerika Syarikat (AS) merampas lebih 6,400 kilogram (kg) kokain di Laut Caribbean dan Lautan Atlantik, dengan anggaran nilai AS\$ 186 juta (kira-kira RM866 juta).